

CNS6199

R PB 09-10 00218 BA342

Bah

WAKIL I. RAKYAT DAYAK IKRAR SOKONG PM

Mahathir - Dayak

I

KUALALUMPUR, 9 Okt (Bernama) -- Anggota-anggota Dewan Undangan Negeri keturunan Dayak dalam Barisan Nasional Sarawak mengulangi penentanan mereka terhadap kemasukan semula Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) dalam gabungan parti pemerintah negeri itu, kata Perdana Menteri., Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata, anggota-anggota Dewan Undangan Negeri itu yang menemui beliau di pejabatnya di sini semalam telah menyatakan bahawa masanya tidak sesuai untuk PBDS menyertai semula gabungan itu.

+Mereka berpendapat seseorang tidak seharusnya masuk sesebuah parti, kemudian keluar dan masuk semula. Itulah pendapat mereka, + katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Menteri Kewangan Komanwel di sini.

PBDS ialah anggota BN peringkat pusat tetapi -menjadi pembangkang kepada kerajaan BN Sarawak. Ia bertanding menentang BN negeri pada pilihan raya negeri bulan lepas. Bagaimanapun selepas pilihan raya itu, parti itu memohon untuk menyertai semula BN negeri.

Datuk Seri Dr Mahathir, yang juga Pengerusi BN berkata, anggota-anggota tersebut juga menyatakan sokongan mereka kepadanya.

+Mereka telah memberi jaminan kepada saya bahawa mereka menerima perhubungan baik antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan serta menyokong dasar-dasar kerajaan, + tambahnya.

Ketika ditanya mengenai permohonan PBDS menyertai semula BN Negeri, beliau berkata: +Kita akan menimbang perkara itu dengan sebaik-baiknya. +-- Bernama.

♥09/10/16-05MST